

PENGAJIAN MELAYU DAN MASA DEPAN: KEPERLUAN MEMBANGUN NARATIF BARU

(MALAY STUDIES AND THE FUTURE: THE NEED TO CONSTRUCT NEW NARRATIVE)

Mohamed Khaled Nordin
Boustead Holdings Berhad
28th Floor, Menara Boustead
69, Jalan Raja Chulan
50200, Kuala Lumpur

Email: mkhaled@boustead.com.my

(Dihantar: 23 Disember 2019; Diterima: 15 Februari 2020)

Abstrak

Pengajian Melayu merupakan disiplin ilmu yang sudah lama wujud bukan sahaja di Malaysia, akan tetapi mempunyai mempunyai akar sejarah dengan institusi di luar negara khususnya di Belanda dan United Kingdom. Perkembangan ini dipengaruhi oleh sejarah imperialisme di Eropah. Dalam perubahan zaman dan modeniti, perkembangan bidang ilmu ini semakin merosot di barat akibat kepentingan imperialisme mulai pudar. Kini sudah tiba masanya pengajian Melayu di Malaysia perlu dinilai semula kedudukan semasa, membina keperluan membangunkan naratif baru sesuai dengan perkembangan dunia teknologi dan globalisasi. Kepelbagaiannya perkembangan yang berlaku di dunia bukan sahaja mengubah metodologi dan ilmu pengajian Melayu di Eropah namun mengubah landskap dan situasi pengajian Melayu di Malaysia. Perlunya, perubahan yang dinamik dilakukan bagi memastikan bidang ilmu ini terus relevan dengan zaman dan situasi moden Malaysia. Sejajar dengan ini langkah Kerajaan Negeri Johor turut mengambil pertanggungjawapan dan tidak hanya bergantung kepada universiti dan dunia akademik melalui pelan induk memperkasakan kebudayaan melayu. Hal ini sesuai dengan matlamat menjadikan negeri Johor sebagai medan kajian ilmu dan sama-sama memartabatkan bidang ilmu pengajian Melayu di rantau ini.

Kata kunci: Pengajian Melayu, Kesarjanaan, Modeniti dan Globalisasi, Dunia Melayu, Johor

Abstract

Malay Studies is a discipline that has long existed not only in Malaysia, but has had historical roots with institutions overseas, particularly in the Netherlands and the United Kingdom. This development was influenced by the history of imperialism in Europe. In the changing times and modernity, the development of this field of knowledge is declining in the west as the importance of imperialism begins to fade. Now it is time for Malaysia to reexamine the Malay studies' current position, building the need to develop a new narrative in accordance with the development of technology and globalization. The various developments taking place in the world is not only changing the methodology and knowledge of Malay studies in Europe, but also the landscape and situation of Malay Studies in Malaysia. It is necessary for dynamic changes to be made to ensure that this field of knowledge remains relevant to the modern era and situation in Malaysia. In line with this step, the Johor State Government has also taken accountability and not just rely on universities and academia through a master plan to empower the Malay culture. This is consistent with the goal of making the state of Johor as a field of study and equally uphold the field of Malay studies in the region.

Keywords: Malay Studies, Scholarship, Modernity and Globalisation, Malay World, Johor

1.0 Pendahuluan

Pertemuan dengan golongan intelektual dalam kalangan ahli dalam dunia dan peradaban Melayu yang datang dari seluruh dunia sangat membagiakan dalam konteks pertemuan ilmu di Royal Asiatic Society, kota London yang merupakan institusi ilmu yang tersohor dunia. Usaha sebegini, secara tidak langsung telah mengantarabangsakan pengajian tentang tamadun Melayu. Pertemuan ini membawa peringatan dan mesej yang jelas bahawa pengajian Melayu mempunyai kepentingan strategik yang tersendiri dan mempunyai tarikan global, maka ia mestilah terus disubur dan dibangunkan, selari dengan perkembangan pesat dunia Melayu itu sendiri.

Harapan dalam pertemuan bersejarah di kota London ini sangatlah besar dan ini bukan sekadar pertemuan akademik biasa. Tetapi biarlah pertemuan ini

turut menjadi medan untuk kalian merencana secara teliti untuk membincangkan hala tuju dan masa depan kajian tentang dunia Melayu dan peradabannya. Di sebalik keghairahan membicarakan segala penemuan dan dapatan saintifik dalam disiplin masing-masing, terdapat cabaran besar yang dihadapi oleh bidang pengajian Melayu. Masa depan pengajian Melayu dan peradabannya, berada pada persimpangan yang sangat kritikal. Jika tidak dilakukan sesuatu sekarang, ia tidak akan berkelangsungan.

2.0 Kedudukan Semasa Pengajian Melayu.

Terdapat tiga faktor utama menentukan hala tuju dan kedudukan pengajian Melayu. Yang pertama, kerana *trend atau kecenderungan* pembiayaan pendidikan tinggi global. Didapati segala tindakan pengecilan atau penjimatan perbelanjaan ('austerity measure') dalam sektor pendidikan tinggi akan memberi kesan besar kepada bidang pengajian Melayu. Iklim ekonomi dunia yang agak mencabar dewasa ini telah memaksa banyak kerajaan mengambil tindakan berjimat cermat. Di Malaysia umpamanya, dana institusi pengajian tinggi (IPT) telah berkurang secara signifikan.

Dalam Belanjawan 2016, peruntukan bagi Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) berkurang sebanyak RM2.4 bilion daripada RM15.78 bilion pada tahun 2015 kepada RM13.37 bilion pada tahun ini. Bajet 2016 juga menyaksikan Universiti Malaya paling banyak menerima potongan dalam pembiayaan iaitu RM175 juta atau 27.3 peratus. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Universiti Teknologi MARA dan Universiti Malaysia Terengganu pula, peruntukan masing-masing dipotong sehingga lebih 20 peratus. Selain itu, bajet bagi 11 universiti awam lain dikurangkan antara 10 hingga 20 peratus,

manakala empat lagi IPTA menerima pengurangan peruntukan sehingga 10 peratus.

Sedangkan bagi sesebuah institusi pendidikan itu mengorak langkah yang lebih agresif, dana dan peruntukan yang besar sangat diperlukan. Jadi, *trend* ini secara jujurnya membawa satu kompromi yang membimbangkan kerana, dalam situasi keterdesakan ekonomi sebegini, keutamaan peruntukan adalah kepada sesuatu yang boleh memberikan hasil yang segera. Hasil yang terlihat dengan pandangan mata kasar dan boleh dikomersialkan dengan mudah. Anggapan sebegini menyebabkan keutamaan perbelanjaan akan lebih disalurkan kepada penyelidikan jangka pendek yang disasarkan untuk memberikan pulangan berbentuk fizikal dan dapatan material dalam masa yang paling singkat.

Pastinya, pengajian Melayu tidak dilihat penting dan mampu menghasilkan pulangan komersial kepada universiti. Natijahnya, terpinggirlah disiplin-disiplin yang nilai penyelidikannya sukar untuk diukur dengan mata kasar, sekali pun semua disiplin tersebut sebenarnya amat penting dan kritikal. Hal ini dapat diteliti dengan situasi yang telah terjadi dengan disiplin-disiplin ilmu seperti falsafah, sejarah, sosiologi, antropologi dan pelbagai disiplin sosial dan budaya yang lain. Kebanyakannya dikesampingkan, kurang diberi perhatian, dan dipersepsikan sebagai berimpak dan bernilai rendah.

Sarjana Corpus Cristi College, Universiti Oxford yang tersohor, Sir Keith Vivian Thomas mengungkap dengan kata-kata yang sangat mengesankan yang menyatakan bahawa "*the position of non STEM [science, technology, engineering, math] subjects is seriously threatened.*" Tanpa dana dan peruntukan yang lestari, pengajian Melayu dan peradabannya pasti akan

berhadapan dengan krisis kelangsungan. Lama-lama kelamaan mungkin akan lenyap dan ini akan menyebabkan satu tragedi intelektual yang sangat parah sekiranya dibiarkan putik-putik ini berlaku.

Faktor yang kedua ialah semakin sukar untuk kita mendapat pelajar dan penyelidik yang berminat mendalami pengajian Melayu dan peradabannya. Kesusutan minat ini dipengaruhi oleh beberapa faktor. Pertama, bidang pengajian Melayu sering dikelaskan sebagai bidang yang tidak mempunyai masa depan kerjaya yang kompetitif tidak seperti bidang perubatan, kejuruteraan, undang-undang, perakaunan. Kedua, banyak universiti semakin tidak berminat melabur dalam bidang seperti ini, sekali gus menyebabkan peruntukan dana, kemudahan, kepakaran dan promosi terhadap bidang-bidang ini tidak diberikan perhatian. Ketiga, universiti lebih ghairah dan terpukau dengan budaya *Key Performance Indicators (KPI)*. Hanyut dengan anggapan bahawa universiti akan diberikan penarafan yang lebih baik dan dana yang lebih banyak, jika para graduan mereka boleh mendapat pekerjaan sejurus tamat belajar dan impaknya sangat jelas. Maka, inilah menyebabkan bakat terbaik untuk mendalami bidang pengajian yang bersifat abstrak seperti pengajian Melayu sama ada daripada kelompok pelajar mahu pun pengajar dan penyelidik.

Apabila kurangnya bakat penyelidik, pendidik dan pelajar dalam bidang-bidang ini, secara tidak langsung ia memberikan satu lesen kepada pihak Kerajaan, Kementerian dan universiti untuk tidak memberikan dana dan perhatian yang serius kepada bidang-bidang ini. Semua ini, dapat dirumuskan sebagai satu 'kitaran songsang, dan kejam, yang membunuh disiplin ilmu'. Inilah menurut saya bahawa sebarang tindakan yang mengizinkan kewujudan

kitaran atau ekosistem yang membunuh disiplin ilmu seperti ini bukan sahaja tidak berasas dan tidak tepat, tetapi sebenarnya tidak bertanggungjawab.

Faktor ketiga ialah bidang pengajian Melayu itu sendiri kurang berkembang dan kurang terlihat. Persepsi atau gambaran yang wujud terhadap bidang ini adalah menyedihkan, iaitu dilihat bidang yang lesu, tidak menarik, tidak mencabar dan kurang inovatif. Pengajian Melayu dilihat tidak lebih dari sekadar mengkaji sastera dan susur galur penulisan, atau sekadar mencungkil maksud di sebalik corak batik dan tenunan songket mahupun sekadar mengkaji kepentingan keris dan ukiran Melayu.

Prasangka, stereotaip dan persepsi sebegini bersarang dan membarah disebabkan tiga faktor utama. Pertama, ketidakmampuan kita memberikan naratif dan citra baru kepada disiplin ini yang menyebabkan ia dilihat tidak lebih dari kelas belajar memahami pantun dan sastera Melayu, atau mungkin budaya Melayu yang dilihat kurang kritis. Kedua, kegagalan kita melakukan-apa apa yang didambakan sebagai kegagalan menghubungkan titik temu atau ‘*connecting the dots*’ yang sebenarnya disiplin ini sangat penting untuk memahami pelbagai isu lain yang mendepani dunia Melayu yang semakin pesat membangun dan maju. Ketiga, kita terlepas pandang satu hakikat bahawa universiti-universiti tersohor dari negara-negara maju bukan sahaja menitik beratkan bidang budaya dan pengajian sains sosial. Malah, subjek dan program sebegini sebenarnya sangat popular, mendapat sambutan dan memberi pulangan yang besar kepada universiti dan negara – sekali pun jika kita masih mahu menilai sesuatu disiplin ilmu berdasarkan potensi pulangan material.

3.0 Keperluan Naratif Baharu Pengajian Melayu.

Secara peribadi, saya sangat yakin bahawa bidang kajian Melayu ini sangat penting, sangat luwes dan signifikan. Masakan saya datang jauh sebegini, memenuhi jemputan ini, jika saya tidak merasakan pengajian Melayu penting kepada pembangunan Malaysia pasca moden kini. Maka, marilah kita bersama-sama memberikan keyakinan baharu kepada bidang pengajian Melayu ini, mengembalikan pesona dan kepentingan strategik disiplin ini. Perlu dikaji teliti dan suntiklah naratif baharu agar pengajian Melayu menjadi disiplin ilmu yang progresif, aneka disiplin serta mengujakan.

Perkara ini boleh dilakukan kerana banyak faktor yang ampuh yang memihak kepada ruang bidang Pengajian Melayu. Saya mempunyai alasan dan sebab yang ampuh mengapa kita boleh melakukannya terdapat empat teras kepada keperluan naratif baru Pengajian Melayu.

3.1 Dunia Melayu Telah Berubah.

Dunia Melayu menyaksikan perubahan yang bukan kecil dan sedikit akibat perubahan yang berlaku sangat pesat dan deras. Perubahan ini tidak terjangkau dek pemikiran dan imaginasi kita selama ini. Hari ini, cuba kita lihat kembali ke Nusantara dan lingkungannya, Malaysia dan negara-negara jirannya. Singapura, Brunei, Indonesia dan selatan Thailand. Tempat rumpun Melayu itu wujud dan berkehidupan. Daerah yang kita semua kenali sebagai alam Melayu. Jika ditinjau teliti gugusan kepulauan Melayu sekarang, akan terlihat satu gelombang perubahan yang sangat ketara. Nusantara sudah sangat berbeza dan lain berbanding dahulu. Nusantara kini sedang dihujani nikmat pembangunan yang pesat dan luar biasa.

Malaysia ialah antara contoh negara di bawah konsep negara di Nusantara yang merupakan negara ke-14 paling kompetitif ekonominya di dunia, selain merupakan pasaran kewangan Islam global yang terbesar dan terbaik. Indonesia pula adalah ekonomi ke lapan terbesar dan dijangka akan mempunyai 130 juta kelas menengah dalam tempoh 5 ke 10 tahun lagi. Sekarang Indonesia mempunyai 269 juta penduduk (2019). Brunei pula mempunyai pendapatan per kapita antara tertinggi di dunia dan kini sedang rancak mencari sandaran ekonomi baru selain petroleum. Melayu di Singapura hidup dan bersosial dengan sebahagian daripada masyarakat metropolitan paling maju di dunia.

Bangsa Melayu di Nusantara telah menjadi bangsa yang moden. Jumlah kelas menengahnya telah bertambah dalam angka yang besar dan tidak pernah berlaku sebelum ini begitu pesat. Malah, penyertaan orang Melayu dalam pendidikan rendah, menengah dan tinggi telah melonjak tinggi dan hampir semua orang Melayu sudah berpendidikan dan berkemahiran.

Hakikatnya, semuanya bukan sekadar dampak globalisasi dan kederasan teknologi maklumat dan komunikasi. Tetapi lebih penting, semua ini berlaku kerana wujudnya usaha serius untuk membangunkan bangsa dan tanahair. Wujudnya kerajaan yang bertanggungjawab dan berdedikasi. Masyarakat yang berkesedaran penuh akan kemajuan dan pentingnya perpaduan untuk mengukuhkan kestabilan. Golongan atasan yang mahu memberi dalam konteks dasar kerajaan yang inklusif dan memperjuangkan golongan memerlukan melalui dasar afirmatif sesuai dengan konsep keadilan yang menyeluruh manakala institusi sosial yang terkandung dalamnya semakin aktif dan lantang.

Malah, wujud ruang demokrasi yang sihat, yang telah membolehkan rakyat bersama-sama mengambil bahagian dalam agenda membangunkan tanahair¹. Lalu setelah kita melihat semua ini, kalian seharusnya mula bertanya. Bagaimana kita harus memberi makna kepada semua perubahan ini?

Bagaimana kita harus menyumbang dan memberi keunggulan baharu kepada pengajian Melayu dan peradabannya, di sebalik semua perubahan yang mempesonakan ini? Persoalan yang paling besar, ialah bagaimana semua pembangunan pesat yang berlaku di daerah Nusantara ini akan mempengaruhi kedudukan, kelangsungan dan kepentingan pengajian Melayu pada masa akan datang?

Jawapan saya ialah melalui kerja keras, penyelidikan dan dapatan kalianlah yang seharusnya boleh memberi inspirasi kepada kemajuan yang lebih radikal pada bangsa Melayu dan lingkungannya. Sekiranya kalian benar-benar ingin memberikan inspirasi dan lonjakan radikal kepada peradaban Melayu, maka disiplin pengajian Melayu ini mesti diberikan naratif baharu. Tidak ada cara lain selain memanfaatkan paradigma ini. .

3.2 Pengajian Melayu dan Lonjakan Baharu

Pengajian Melayu memerlukan lonjakan baharu kerana banyak sekali kajian tentang dunia Melayu mempunyai nilai-nilai yang besar, keunggulan luar biasa dan strategik, namun gagal ditonjolkan. Biar saya berikan contoh. Pada awal kurun ke 19, ketika orang kulit putih di Amerika dan Eropah masih menindas

¹ Dalam tahun 2018 semasa Pilihan Raya Umum ke-14 yang lalu misalnya, orang Melayu di Malaysia sudah tidak teragak-agak untuk menukar kerajaan majoriti Melayu Islam, demi menentang korupsi dan salah tadbir urus. Orang Melayu menggunakan medium demokrasi moden untuk menolak keburukan dan ketidakadilan.

dan memandang jijik orang kulit hitam, Sultan Ibrahim, sultan dan pemerintah Negeri Johor telah pun memperkenalkan konsep Bangsa Johor. Semua bangsa, walau dari mana-mana mereka datang berkelana, apabila mereka menjadikan Johor sebagai tempat bermastautin, mereka adalah Bangsa Johor.

Sejak mula, Johor telah mencipta dan memberikan makna kepada konsep kesatuan dalam kepelbagaian. Ia bangun menjadi pelopor kemajmukan budaya tatkala seluruh dunia masih lagi dibaluti dengan prejedis, cauvinisme dan diskriminasi yang tebal dan menggila². Ketika kebanyakan negara lain masih belum merdeka, tidak mempunyai sistem pemerintahan yang moden. Johor telah beberapa langkah ke hadapan. Apabila menggubal dan mengkanunkan Undang-undang Tubuh Negeri Johor maka satu perlombagaan bertulis pertama dalam dunia Melayu.

Ketika kebanyakan negara dunia masih berpegang dengan sistem pemerintahan yang feudal, yang menyerahkan kuasa dipusatkan kepada seorang individu atau institusi, Sultan Sir Abu Bakar telah mengambil jalan progresif dengan memperkenalkan Jemaah Menteri. Satu konsep kerajaan dengan pertanggungjawaban bersama. Atau '*collective responsibility*' yang menjadi inti pati penting dalam kebanyakan perlombagaan negara yang berkiblatkan Westminster dan model Montesquieu, yang berumah di kota

² Malah sehingga ke hari ini, negara Eropah seperti Perancis dan Hungary yang kononnya gah dan sangat dikagumi oleh dunia, masih berperang dengan perbezaan asal usul dan kebebasan beragama yang sering diputus belitkan dengan definisi 'kebebasan bersuara'. Semua itu bukan sahaja berat sebelah. Tetapi telah dijadikan alat politik untuk menindas orang lain secara terbuka dan sistematik dan terkini ialah isu karikatur Nabi Muhammad yang dianggap menghina agama dan simbol agama mencetuskan kebencian dan keganasan melampau yang hanya akan memecah-belahkan masyarakat.

London ini. Maka, buat pertama kalinya di dunia Melayu, konsep raja berperlembagaan dibentuk dan ini membolehkan Raja dinasihati oleh Jemaah Menteri.

Ketika kebanyakan bangsa lain menanggapi kuasa kolonial itu sebagai musuh, Sultan Abu Bakar memperkenalkan dasar luar yang berasaskan diplomasi dan baginda menjadi tetamu pelbagai Kerajaan di serata dunia. Malah Johor menerima tetamu dari pelbagai kerajaan atau pemerintahan. Kerajaan Johor telah melawat pelbagai negara dan mempelajari pelbagai pengalaman dari negara asing.

Semua ini menunjukkan betapa progresif dan unggulnya pentadbiran Kerajaan Melayu Johor pada waktu itu. Johor, Sultannya serta rakyatnya, sudah menganjurkan kehidupan bersandarkan sistem yang moden dan kosmopolitan. Inilah sisi kemodenan yang telah lama berakar umbi dalam Kesultanan Melayu. Mereka menyumbang kepada tradisi raja berperlembagaan, selain menyumbang kepada sistem tadbir urus yang demokratik dan maju serta membina kepentingan konsep negara dalam bentuk hubungan dan dasar luar yang berdiplomatik.

Tetapi semua ini tidak diberikan pengiktirafan dan keabsahan yang selayaknya kerana kebanyakan kajian tentang sejarah Nusantara lebih menjurus kepada aktiviti merakam peristiwa lalu sebagai hanya sebuah dapatan akademik. Tidak lebih dari itu, ia tidak ditafsirkan secara kritis dan diangkat sebagai peristiwa penting yang menjadi latar kepada terbinanya sebuah demokrasi moden dan negara hukum.

3.3 Alam Melayu Pedoman Masyarakat Global

Aspek ketiga, iaitu amat diperlukan naratif baharu dalam Pengajian Melayu kerana banyak sekali fenomena yang berlaku di alam Melayu ini, boleh menjadi pedoman kepada masyarakat global. Aspek bukanlah suatu mahu ‘masuk bakul angkat sendiri’. Kita bukan bajak wangkang yang makannya diangkat. Kita juga bukan mereka yang taasub meratib puja dan puji pada bangsa dan khazanah sendiri.

Namun, rasa bangga dan cinta pada bangsa itu amatlah diperlukan kerana mampu èmencetuskan kesungguhan untuk belajar mengenainya secara tekun dan menyeluruh, seterusnya mampu membawa kepada kemahuan untuk berkongsi kepada masyarakat dunia. Aspek ini menjadi sumber mengukuhkan tujuan yang boleh melonjakkan kepentingan bidang pengajian Melayu.

Maka diseru agar mengkaji dan menilai semula Islam daripada perspektif baharu sebagai daya yang telah merangsang kejayaan, kemajuan dan kewarasan bangsa Melayu. Perlu dinilai kembali juga kedua-dua elemen Islam dan Melayu itu hadir dan harmoni bersama dalam membentuk dunia Melayu-Islam sekata, khususnya dalam mengikis animisme dan pemikiran kolot sehingga lahir bangsa yang rasional, sangat sederhana, berkekerti tinggi dan bertolak ansur. Yang menjadikan orang Melayu itu Muslim yang sangat mencintai kedamaian dan persaudaraan, sehingga bersedia menerima kepelbagaian dan meraikannya. Dalam konteks ini perbandingan dengan premis Max Weber mengenai Islam dan Calvinisme, malah sudah pasti berlainan dengan premis perbandingan Weber terhadap islam di timur tengah dengan dunia kita di nusantara yang lebih bersifat *multivocal*.

Sekitar tahun 60-an, orang kulit hitam tidak boleh duduk bersama dengan orang kulit putih dalam sebuah bas yang sama. Mereka tidak punya hak kerana dianggap separa manusia³. Tetapi pada tahun 1957, malah sedekad jauh lebih awal daripada itu, orang Melayu sudah membuka jalan membina Negara Kesepakatan, dengan memberi tempat selayaknya pada semua bangsa di Tanah Melayu, iaitu India, Cina, Melayu dan sebagainya, selain memberikan kerakyatan kepada jutaan golongan migran yang datang ke Tanah Melayu, berunding kemerdekaan sebagai sebuah entiti dan memerintah secara kolektif.

Apakah makna ini semua? Maknanya kita sudah memimpin pemikiran termaju dan telah mempunyai peradaban dan amalan yang meraikan kepelbagaian yang sangat menakjubkan. Malah, dunia Melayu seharusnya menjadi pedoman dan risalah yang layak dirujuk, apabila seluruh masyarakat dunia sedang mencari jalan memerangi keganasan dan radikalisme agama.

Pengkaji dunia Melayu harus memberikan jawapan, kenapa pengikut Islam di Nusantara ini sangat sederhana. Kenapa amalan Islam itu sangat progresif. Kenapa Melayu itu, menjadi Muslim yang selalu mendukung jalan tengah di Nusantara ini. Selama ini apabila kita membaca atau diajarkan tentang sejarah, hikayat lama atau legenda Melayu seperti Mahsuri, Tun Fatimah, Nyemah Mulia, Cik Siti Wan Kembang, Puteri Gunung Ledang dan lain-lain, kita hanya melihat semua itu sebagai cerita yang watak utamanya adalah perempuan Melayu, dan tidak lebih dari itu. Tetapi, kita jarang

³ Hari ini, orang kulit hitam di Amerika masih bergelut dengan hak dan pengiktirafan yang sama rata. Mereka masih berhadapan dengan diskriminasi kronik pihak pemerintah dan penguat kuasa undang-undang, sehingga membawa kepada gerakan 'Black Lives Matter' semasa pandemik COVID-19 pada tahun 2020 susulan kematian ramai tahanan berkulit hitam akibat keganasan polis berkulit putih.

menafsirkan semua ini dalam konteks yang lebih besar dan bermakna misalnya daripada sudut gerakan feminism awal tradisi.

Misalan juga, jika menggunakan 'bahasa ilmu moden', segala cerita ini telah lama menukilkan tentang masyarakat Melayu yang tidak bersikap seksisme. Malah, istilah dan konsep moden seperti feminism dan kesaksamaan gender sudah lama terpakai dan diterjemahkan dalam amalan kehidupan masyarakat Melayu. Jika semua ini dipersembahkan dengan cara yang moden, menarik dan kreatif, bukan sahaja khazanah ilmu moden boleh mencedok pelbagai suri teladan dari alam Melayu. Malah, secara tidak langsung akan menghakis pelbagai stigma dan persepsi yang tidak tepat terhadap orang Melayu seperti orang Melayu ini kononnya berfikiran kolot, terlalu *alpha-male* dan sangat bersifat patriaki.

Dalam contoh yang lain kita juga sering mendengar, belajar, malah menggunakan pelbagai simpulan bahasa, perumpamaan, bidalan dan kiasan orang Melayu. Misalnya, melentur buluh biarlah dari rebungnya, sepandai-pandai tupai melompat akhirnya ke tanah jua, bagi aur dengan tebing, ibarat enau dalam belukar melepas pucuk masing-masing dan pelbagai lagi. Yang kita selalu belajar dan diajarkan, semua ini adalah simpulan bahasa atau bidalan dan timbul dalam situasi masyarakat pascamodenisme ini. Justeru, amat perlu pencerahan penggunaannya dalam konteks dan situasi yang betul konteks semasa. Maksud sebenar dan sejarah penggunaan tentu menarik untuk diketahui dan didedahkan kepada generasi masyarakat kini sudah pudar jati diri bangsa dan nilai tradisi semakin hilang oleh pemodenan.

Ternyata, jarang sekali kita diajak mengkaji dan memasukkan naratif penting di sebalik semua itu. Jika kita tafsir dan teliti dengan lebih mendalam,

segala jenis perumpamaan dan bidalan menunjukkan yang kehidupan orang Melayu sebenarnya sangat intim dan rapat dengan alam sekitar. Hampir semua perumpamaan dan bidalan orang Melayu adalah berkisar tentang alam sekitar dan hukum tabiinya. Orang Melayu memerhatikan alam sekitar dengan cara yang bukan sahaja sangat santun, tetapi kritikal. Segala pedoman dari alam sekitar diambil dan dijadikan analogi yang relevan dan bermakna, khususnya dalam memberi teguran, membuat saranan dan membentuk asas kehidupan. Ketika dunia moden sedang berbicara tentang konsep pembangunan lestari⁴, kehidupan yang serasi dengan alam sekitar dan pelbagai lagi terma canggih, orang Melayu sebenarnya sudah lama mengamalkan semua itu. Ternyata dunia Melayu sebenarnya sangat teliti dan berseni

Bukankah semua ini sangat besar dan menarik? Inilah yang dimaksudkan dengan betapa pentingnya pengajian Melayu itu mengambil peranan menghubungkan titik temu dan mencari jalan melengkapkan kekurangan yang ada di dalamnya. Segala kajian kita tentang dunia Melayu dan peradabannya harus boleh memberikan inspirasi untuk kefahaman dan penyelesaian pelbagai masalah dunia moden. Masyarakat global sebenarnya sentiasa tercari-cari kearifan baru kerana khazanah ilmu dari dunia Barat sudah terlalu tepu dan sarat dengan idea dan konsep yang bertunjangkan pemahaman dan cara mereka semata-mata. Hanya apabila pengkaji pengajian Melayu boleh mempersempahkan kearifan dan kepentingan sumbangannya, barulah disiplin pengajian Melayu akan dilihat relevan, dilihat strategik dan penting serta akan

⁴ Terma dan konsep ini mula dipopularkan oleh bekas Perdana Menteri Norway, Dr. Gro Harlem Brundtland yang akhirnya diterbitkan oleh Jawatankuasa Brundtland melalui Brundtland's Report bertajuk 'Our Common Future' oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa (PBB) Bersatu pada Oktober 1987.

kembali mampu menarik minat lebih banyak pelajar dan penyelidik berbakat. Malah menarik kemasukan dana bagi menaja dan menyokong pengajaran dan penyelidikan bagi tujuan tersebut.

Justeru, tugas membongkar segala kearifan dunia Melayu untuk diketengahkan sebagai suri teladan yang unggul kepada dunia ini, adalah tugas semua sarjana dan penyelidik alam dan tamadun Melayu. Jangan dibiarkan segala kajian dan dapatan penyelidikan yang dihasilkan sekadar menjadi susunan aksara-aksara pegun dalam teks sejarah yang terperap dan berhabuk dalam kutub khanah.

3.4 Pengajian Melayu yang Dinamik

Aspek keempat ialah kita memerlukan naratif baru kerana bidang pengajian Melayu telah bercambah dan berkembang pesat. Pengajian Melayu telah menjadi bidang kajian aneka disiplin. Pastinya perubahan pantas yang dialami oleh dunia Melayu sekarang memerlukan kajian yang saintifik serta pemikiran dan penilaian yang kritikal dan empirikal.

Antaranya ialah isu seperti kebudayaan Melayu berevolusi dalam konteks kederasan globalisasi. Begitu juga isu menilai kepauayaan bahasa Melayu boleh berkelangsungan dalam keghairahan Malaysia menjadi sebuah negara dan masyarakat saintifik yang bahasa pengantarnya ialah bahasa Inggeris. Kajian mengenai proses demografi dan kerukunan masyarakat Melayu itu mula berubah dengan kemunculan masyarakat Melayu yang lebih berpendidikan, lebih global, lebih materialistik, lebih individualistik mengubah minda Melayu. Persoalan sistem politik Melayu yang kini berubah sangat pantas, dalam landskap demokrasi dan tuntutan kebebasan moden yang sangat lain dari nilai dan budaya Melayu. Kesemua ini membuktikan bahawa bidang pengajian

Melayu telah berkembang dengan pesat, bercambah sederas perubahan di alam Melayu itu.

Justeru, saya sangat berharap, apa-apa yang kita lakukan di dalam persidangan di kota London ini bukan sekadar membentang hasil dan dapatan kajian. Biarlah kota bersejarah ini menjadi medan penting yang menyaksikan tempat menilai bangsa yang dahulunya terjajah dek kesilapan dan perpecahan. Hari ini berkumpul di halaman penjajah untuk berbincang tentang nilai dan keunggulan warisan bangsanya yang merdeka. Maka, gunakanlah ruang dan peluang ini untuk mencanai idea untuk merumuskan kaedah paling ampuh untuk melahirkan minda Melayu maju yang luar biasa kreativitinya bagi memahami dan berimajinasi tentang zaman yang lain dari zaman ini. Perlu difikirkan kaedah signifikan untuk memanfaatkan sejarah Melayu agar boleh ditonjolkan sebagai sejarah yang sarat dengan pengajaran yang relevan dengan keperluan masa depan masyarakat global. Begitu juga usaha untuk memikirkan strategi dan pelaksanaan ke arah menyerlahkan bidang kesusasteraan Melayu itu yang mampu menyumbang kepada kekayaan khazanah kesusasteraan dunia. Maka, jadikanlah pertemuan di London ini ruang untuk kita membuat timbang tara antara nilai dari tamadun kita yang kaya, dengan nilai yang dianjurkan oleh tamadun barat yang maha bebas dan melihat memastikan terdapat ruang dan yang boleh saling melengkapi dan saling mengukuhkan.

Sesungguhnya kita lebih memahami naluri anak-anak, golongan *du'afa*, semangat membara para pejuang dan nasionalis, bukan dari penemuan sains dan teknologi, tetapi dari khazanah kesusasteraan yang bermutu. Yakinlah, bahawa pertumbuhan ekonomi itu sangat penting dan pencapaian dalam sains

serta teknologi itu amat mustahak. Tetapi ia sesungguhnya tidak mencukupi untuk menjadi misi pembangunan sebuah masyarakat dan negara. Ia jauh dari mencukupi untuk menjadi misi sebuah peradaban. Sebenarnya adalah menjadi tanggungjawab moral universiti serta warganya, untuk menggalakkan pencarian ilmu yang boleh membantu masyarakat memahami keperluan manusia walau apa-apa juga disiplin ilmunya. Oleh yang demikian, universiti kita mesti mencari titik keseimbangan agar disiplin sains, teknologi dan kemanusiaan terus dapat dikembangkan secara bersepada kerana kita bukan sekadar ingin membangun, sebaliknya kita ingin menyumbang kepada peradaban dan peradaban itu ialah tentang budaya, bahasa, seni muzik, sejarah, dan kesusastraan. Ia mengenai pelbagai dimensi yang memberi citra dan perwatakan pada bangsa dan negara kita. Inilah nilai yang membentuk pemikiran dan paparan sebenar kehidupan berbangsa.

4.0 Peranan Kerajaan Johor

Kesempatan dalam ruang akademik pihak saya ingin memaklumkan peranan Kerajaan Negeri Johor ketika di bawah pentadbiran saya dalam aspek kebudayaan Melayu. Johor amat sinonim dengan kebudayaan Melayu Nusantara dan dekat dengan kepulauan Riau yang pernah merupakan tempat kebudayaan Melayu Nusantara. Selaku pentadbir negeri dan selaku pihak Kerajaan, kami harus mengambil pertanggungjawaban dan tidak boleh lepas tangan dan membiarkan segala-galanya hanya dipikul dan dibebankan di bahu universiti dan dunia akademik. Sebab itulah, di Johor, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM100 ribu bagi tujuan pembentukan jawatankuasa khas untuk membangunkan satu pelan induk dan hala tuju yang lebih kemas.

Melalui pelan induk ini, kita mahu jadikan Johor medan kajian ilmu, dan dijadikan sebagai lapangan percubaan untuk membuktikan betapa dunia Melayu boleh menjadi sangat maju, terkehadapan dan moden. Namun kekal dan segar dengan budaya dan tradisi bangsanya⁵. Justeru, adalah menjadi harapan kita untuk menjadikan Johor sebagai pusat tamadun Melayu antarabangsa. Kini sudah tiba masanya para akademik membantu untuk berjumpa dan meyakinkan institusi-institusi di seluruh dunia, yang menawarkan pengajian Melayu seperti SOAS di London, Leiden di Belanda, Beijing Foreign Studies di China dan Moscow State University di Rusia, untuk datang dan menjadikan Johor, rakan strategik mereka. Mereka wajar mempertimbangkan kerjasama dengan Yayasan Warisan Johor untuk menerima pelajar melakukan latihan industri atau '*internship*' di Johor, atau menghantar penyelidik dan pakar pelawat yang berminat tentang kepesatan pembangunan dunia Melayu, malah saya sangat mengalu-alukan jika ada mana-mana universiti yang saya sebutkan tadi, membuka cawangan kampus mereka di Johor.

Di manakah lagi tempat terbaik untuk memahami fenomena pembangunan dunia Melayu yang sangat mempesonakan jika bukan di negeri seperti Johor, kuasa ekonomi baharu Malaysia? Mari kita bawa kembali pengajian alam Melayu ke tempat lahir dan asalnya, yakni ke alam Melayu itu sendiri. Mari kita bawa kembali orang luar ke kepulauan Melayu untuk berkongsi kekayaan khazanah kita. Seperti yang pernah nenek moyang kita lakukan ratusan tahun dahulu. Atau, jika boleh saya sarankan, agensi seperti

⁵ Pelan Induk Pusat Tamadun Melayu Antarabangsa Johor telah siap dan dilancarkan pada 8 Oktober 2020. Pelan 2021-2025 ini mengandungi 9 teras utama yang akan menjadikan Johor sebagai pusat kajian tamadun Melayu antarabangsa.

YWJ dan Khazanah Johor mesti mula menganjurkan pertemuan pemimpin dan sarjana Melayu global di Johor, agar mereka melihat sendiri kepentingan alam Melayu kepada masa depan dunia.

5.0 Rumusan

Biar apa pun saranan dan cadangannya, yang penting, saya sekali lagi ingin menawarkan Johor sebagai medannya. Datanglah dan kami bersedia membantu dan kami amat berbesar hati menerima kunjungan sebegitu. Sekecil-kecil tapak tangan, nyiru jua kami tadahkan. Akhir kata, semoga gandingan tangan, kerja keras dan usaha kita bersama ini dapat mengembalikan kesegaran dan kehebatan disiplin pengajian alam dan tamadun Melayu. Semoga kita dapat meletakkankekayaan warisan bangsa kita ini pada tempat yang selayaknya. Saya yakin, dari pertemuan singkat ini, akan terbit nanti peringatan dan akan terjelma nanti teguran dan nasihat bermakna dari para pemikir dan ilmuwan terbaik bangsa daripada kalangan kalian.

Catatan

Versi asal dan awal penulisan ini telah disampaikan sebagai ucapan oleh Dato Mohamed Khaled Nordin, Menteri Besar (Mantan) Johor di Persidangan Antarabangsa Pengajian Alam Melayu 2016 pada 20 September 2016 di Royal Asiatic Society, London. Intipati ucapan ini penting bagi melihat perspektif visi kepimpinan politik terhadap dunia pengajian Melayu. Sidang Pengarang berterima kasih kepada beliau yang membenarkan diterbitkan semula ucapan dasar tersebut. Teks ini diubahsuai format sesuai dengan penerbitan ini. Beliau mantan Menteri Besar Johor, Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, serta Menteri Pengajian Tinggi dan kini merupakan Naib Presiden parti UMNO.